

Puteri UMNO berkempen bersama ahli mahir seni mempertahankan diri

UM
25/6/07

ROMPIN 22 Jun - Pergerakan Puteri UMNO akan menggunakan khidmat ahli-ahlinya yang mempunyai kemahiran seni mempertahankan diri semasa berkempen secara berkumpulan pada pilihan raya umum akan datang demi keselamatan mereka.

Ketuanya, Datuk Noraini Ahmad berkata, langkah itu bertujuan memastikan keselamatan ahli-ahli Puteri sentiasa terjamin semasa berkempen.

"Jika keluar berkumpulan, ada di antara ahli kita yang mempunyai kemahiran seni mempertahankan diri seperti silat dan sebagainya, jadi ia akan lebih menjamin keselamatan," ujar beliau.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kursus Pentadbiran dan Pemantapan Jentera Pilihan Raya 2007 anjuran Pergerakan Puteri UMNO Baha-

gian Indera Mahkota dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), di Rompin Beach Resort, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai ahli Puteri yang sentiasa terdedah kepada bahaya ketika berkempen, Noraini berkata, pihaknya sentiasa menasihatkan ahli supaya turun berkempen dalam kumpulan yang besar bagi mengelakkan perkara seumpama itu berlaku.

Katanya, ahli-ahli Puteri yang berkempen dari rumah ke rumah tidak harus keluar berseorangan sepanjang masa berkempen, tetapi mestilah mengikut kumpulan yang ditetapkan atas alasan keselamatan.

Ditanya berapa ramai ahli Puteri yang terlibat dalam kempen pilihan raya umum nanti, Noraini berkata, pihaknya menyasarkan seramai 95,500 ahli perge-

rakan itu akan membantu jentera pilihan raya.

Menurut beliau, pihaknya optimis jumlah itu dapat dicapai apabila kesemua 191 bahagian Puteri di seluruh negara menyediakan antara 300 hingga 500 ahli bagi setiap bahagian.

"Saya yakin matlamat Puteri untuk menyediakan jentera seramai itu akan tercapai, malah mungkin akan lebih ramai lagi berdasarkan sambutan menggalakkan daripada ahli-ahli Puteri sendiri," katanya.

Menurut Noraini, selain pemantapan jentera pilihan raya, Puteri turut memberi penekanan terhadap aspek pendidikan apabila ahli-ahli Biro Pendidikan pergerakan itu turut 'turun padang' bagi menemui pengundi dan anak-anak mereka menerusi program Jom Baca.